

08/06/2004

Tidak salah pinjam bahasa asing majukan bangsa

By Ahmad Arieff Atan

LIHAT perkataan berikut - universiti, profesor, teknologi, sindiket, Parlimen, elektronik, kondominium, definisi dan komputer - semuanya adalah istilah yang disadur daripada bahasa Inggeris yang sudah wujud bertahun-tahun lamanya.

Ingin gantikan dengan perkataan lebih 'Melayu' bunyinya? Cari, fikir, cuba dan anda sendiri akan tertawa. Lihat saja profesor mungkin ada orang berkata mengapa tidak gantikan dengan mahaguru, kondominium dengan pangsapuri, tetapi bagaimana yang lain. Jika anda tertawa, anda dituduh mentertawakan bahasa ibunda dan tidak menghormati bahasa atau bangsa.

Suatu masa dulu, saya berkesempatan bertemu seorang pegawai kanan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada majlis anjuran DBP. Orangnya cukup terkenal kerana beliau antara yang sering muncul di akhbar memberi kritikan untuk 'membetulkan' penggunaan bahasa Melayu di kalangan menteri, orang kenamaan, artis dan masyarakat.

Tercancang dalam pemikiran saya, inilah orangnya yang giat memperjuangkan istilah dan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Namun, segala rasa hormat lebur beberapa minit kemudian.

Pegawai itu bertanya pada rakannya: "Ada high tea selepas ini?" Beliau yang sering mencanangkan bahawa rakyat Malaysia sepatutnya menggunakan bahasa ibunda dalam urusan harian, kini dirinya turut keliru.

Mungkin istilah high tea sedang dipertimbang DBP untuk didaftar ke dalam kamus atau mungkin pegawai itu bingung untuk menggunakan istilah Melayu seperti jamuan teh, pada majlis glamor.

Sebenarnya, ini bukan isu bahasa rojak atau penggunaan bahasa pasar dalam urusan rasmi. Ini sebenarnya isu memelayukan istilah Inggeris ke dalam perbendaharaan bahasa Melayu.

Apabila timbul persoalan mengenai bahasa, biasanya timbul juga pejuang bahasa yang cuba menjuarai isu ini di akhbar. Namun, itu bukan masalah, bahkan bukti wujud kebebasan bersuara dan demokrasi (democracy) di negara ini.

Cuma yang menghairankan, pejuang ini sebenarnya bukan pejuang tulen. Mereka mengkritik orang lain, tetapi mereka sendiri hipokrit (hypocrite) atau talam dua muka.

Contoh yang jelas adalah pegawai DBP terbabit. Apabila ada pihak yang mencampuradukkan bahasa, lantang beliau bersuara. Namun, dalam kehidupan harian, adakah perkara ini diamalkan?

Bahkan bagi pejuang bahasa, adakah mereka menggunakan bahasa Melayu yang betul sepenuhnya dalam kehidupan harian?

Ada antara mereka menjawab: "Itu mustahil untuk menggunakan bahasa Melayu seratus peratus dalam kehidupan harian".

Tidak kurang juga yang terus berpendirian: "Oh, itu adalah kebetulan. Kami menggunakan istilah asing secara tidak sengaja".

Bunyinya bagaikan dongeng, tetapi bukankah mereka yang mengatakan salah untuk mencampuradukkan bahasa? Bukankah mereka yang berkata salah untuk mengetepikan bahasa Melayu dalam urusan harian?

Jika mereka sukar menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam kehidupan harian, mengapa perlu lantang menyalahkan orang lain?

Sebenarnya, isu bahasa Inggeris dicampur-aduk dengan bahasa Melayu dalam penggunaan seharian tidak wajar diperbesarkan media.

Bukankah bahasa dicipta untuk menyampaikan maklumat yang dapat difahami pendengarnya? Bukankah bahasa dicipta untuk berhubung atau berkomunikasi

(communication)?

Bukankah bahasa sudah lengkap jika istilah yang digunakan difahami orang lain?

Pejuang bahasa lantas bangkit menjawab: "Tidak, awak lupa! Ini isu besar! Bahasa juga bunga bangsa. Rosak bahasa, rosaklah bangsa!"

Benar, bahasa jiwa bangsa. Tiada siapa yang menafikannya. Bahkan, bahasa juga sebahagian daripada identiti (identity) sesuatu bangsa.

Namun jangan lupa, istilah yang wujud dalam perbendaharaan bahasa Melayu diambil, disadur dan disesuaikan daripada bahasa Arab, Sanskrit, Peringgi dan sebagainya.

Perkataan ini sudah lama wujud dan diterima DBP (yang belum pun wujud ketika Portugis menakluk Melaka, pada waktu orang Melayu atau rakyat Melaka meminjam bahasa Portugis).

Adakah bangsa Melayu sudah rosak waktu itu? Adakah jati diri bangsa Melayu terhapus? Adakah tindakan mereka mencemar bahasa yang dituturkan rakyat Melaka ketika itu?

Apakah jika DBP sudah wujud pada zaman Hang Tuah, maka istilah seperti garpu, almari dan sebagainya yang dipinjam daripada bahasa asing tidak wujud dalam Kamus Dewan?

Mengapa pejuang bahasa zaman ini tidak mengkritik tindakan nenek-moyang kita yang menyadur istilah asing ke dalam perbendaharaan bahasa melayu?

Bukan saya memperkecilkan ungkapan bahasa jiwa bangsa atau menafikan peranan bahasa sebagai melambangkan identiti suatu bangsa.

Adakalanya pejuang bahasa ini benar; penerimaan ungkapan baru daripada istilah asing perlu dikaji dan bukan menolaknya terus.

Bahasa Melayu memang kaya dengan perbendaharaan, tetapi tidak sekaya bahasa Arab (bahasa al-Quran) dan Inggeris. Ada istilah asing yang membawa maksud baru dan tertentu, tetapi tiada bahasa Melayu yang sesuai untuk digunakan bagi memberi gambaran yang sama tepat seperti istilah elektronik (electronic).

Datuk Paduka Marina Mahathir dalam kolumnya (column) dalam sebuah akhbar baru-baru ini turut mempersoalkan perkara yang sama. Beliau berhujah adakah wujud satu istilah tunggal sesuai untuk menggambarkan selengkapnya ungkapan sexist agar seorang penulis lirik, yang memilih untuk menggunakan perkataan seksis sebagai judul lagunya, dapat menggantikan perkataan itu.

Kini timbul pula istilah bajet (budget) dan guru super. Kedua-duanya datang dari istilah Inggeris dan simboliknya (symbolic).

Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman mengumumkan Bahagian Pembentukan Istilah DBP akan mengkaji dan mencadangkan istilah lebih sesuai berbanding guru super.

Maka ada pula ungkapan guru gemilang, guru perdana dan sebagainya sebelum beliau mengumumkan DBP mencadangkan istilah adiguru.

Molek, tetapi adakah lebih sesuai ataupun cuma lebih Melayu bunyinya? Bukankah istilah seperti bajet, guru super, presint dan Cyberjaya sudah cukup sesuai?

Bukankah istilah itu cukup untuk menggambarkan perkara yang seharusnya digambarkan olehnya? Jika perlu diubah, istilah seperti komuter, monorel, komputer, klip, teknologi dan matematik juga harus diubah.

Mungkinkah tindakan pejuang bahasa yang terlalu taksud dengan kebolehan mereka mempertahankan nilai bahasa boleh merosakkan bahasa dan bangsa kerana bahasa Melayu hanya mampu berkembang dalam ruang yang sempit jika semua istilah asing yang sesuai dihalang untuk digunakan dalam perbendaharaan Melayu.

Merosakkan bangsa kerana apabila bahasa tidak berkembang, impian bangsa untuk menguasai pelbagai cabang ilmu juga tidak kesampaian.

Golongan inilah antara yang lantang menentang tindakan kerajaan mengarahkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pembelajaran Sains dan

Matematik.

Tidakkah mereka sedari, orang Inggeris pada zaman Renaissance menjadi maju kerana menguasai bahasa asing termasuk bahasa Arab.

Mereka mempelajari bahasa Arab untuk mempelajari dan menceduk ilmu daripada kitab yang dihasilkan sarjana Islam seperti Ibnu Sina, Khawarizmi dan Ibn Batutta.

Hasilnya mereka menguasai ilmu berkaitan dan merampas tampuk keilmuan sarjana Islam termasuk daripada tamadun dan kemajuan Cordova serta Baghdad.

Mereka beruntung kerana tiada institusi seperti DBP yang mungkin merencat (bukan menghalang) usaha mereka mempelajari bahasa Arab.

Bahkan cendekiawan Melayu kini juga berasa lebih wajar jika istilah tunggal Inggeris yang dapat memberikan maksud lebih tepat dan gambaran sewajarnya dimelayukan.

Baru-baru ini, Profesor Datuk Dr Firdaus Abdullah menyampaikan syarahan perdana "Antara yang Dikendong dan Dikejar: Analisis Pengartikulasian Kepentingan Politik Melayu" di Universiti Malaya.

Dr Firdaus cenderung menggunakan perkataan saduran seperti 'pengartikulasian' (articulation) dalam tajuk syarahannya.

Bahkan, perkataan itu digunakan pada majlis rasmi dan ilmiah yang dihadiri golongan cendekiawan.

Rasionalnya mencampur-adukkan penggunaan bahasa Inggeris dan Melayu bukan isu yang harus diketengahkan melebihi isu lain yang lebih penting berkaitan orang Melayu.

Umpamanya, akhbar kini sepi daripada membincangkan masalah penagihan dadah belia Melayu. Isu ini timbul apabila ada kes rogol dan bunuh membabitkan penagih dan tenggelam semula apabila ada pihak melarang penyiaran lagu yang mencampuradukkan bahasa.

Bahasa Melayu milik orang yang menuturkannya. Bukan bermakna mencemar bahasa Melayu jika memperkaya perbendaharaannya untuk tujuan mulia dan bukan bermakna memartabatkan bahasa Melayu jika kita terus menerus berbalah.

Yang kurik itu kendi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa'. Biar kita tertawa, tetapi jangan sampai kita ditertawakan.

(Penulis adalah mahasiswa Universiti Malaya.)

(END)